

Pada peringkat ini tugas jabatan ini bermula. Pihak jabatan perlu meneliti kertas siasatan, mempertimbangkan syor polis dan mendakwa individu-individu terlibat.

Rofiah, yang mengetuai prosiding inkues selama 41 hari untuk menentukan punca kematian Muhammad Adib, menerima keterangan saksi ke-29, ahli patologi forensik Prof Dr. Shahrom Abd Wahid yang berpangkalan di United Kingdom, bahawa semasa kejadian itu, mangsa dipukul dan diseret dari van Jabatan Bomba.

Muhammad Adib, 24, yang merupakan anggota perkhidmatan penyelamat perubatan kecemasan (EMRS) dari Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya, meninggal dunia pada 17 Disember 2018 selepas berjuang untuk hidup selama 21 hari.

Allahyarham cedera semasa rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman di USJ 25, Subang Jaya, pada 27 November tahun lepas. - Bernama